KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	19/10/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	TNB			

HM 19 Okt 2021_16

Pasang panel solar fotovoltaik di Dermaga Tanjung Lembung

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi anak syarikat solusi tenaga hijaunya, GSPARX Sdn Bhd (GSPARX) menjalin kerjasama dengan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) bagi mengurangkan emisi karbon mereka menerusi pemasangan panel solar fotovoltaik (PV) di Kompleks Dermaga Tanjung Lembung, Langkawi.

Menerusi kerjasama strategik dengan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Lada menyatakan hasrat berkenaan melalui penyerahan Surat Niat *(Letter of Intent)* dalam satu majlis diadakan di Kompleks Dermaga Tanjung Lembung pada 17 Oktober 2021.

Langkawi Port Sdn Bhd (LPSB), anak syarikat Lada, adalah operator Kompleks Dermaga Tanjung Lembung.

Penyerahan surat dilakukan Ketua Pegawai Eksekutif Lada merangkap Pengerusi LPSB, Nasaruddin Abdul Muttalib kepada Pengarah Urusan GSPARX, Elmie Fairul Mashuri.

Majlis disaksikan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan.

Ketua Pegawai Retail TNB Datuk Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, TNB sedia menyumbang kepakaran dalam bidang tenaga solar menerusi GSPARX bagi membantu Lada mencapai objektif mereka bagi mengurangkan emisi karbon dan menjana tenaga hijau.